


Warisan

BILANGAN 2

KDN 7890

DISEMBER 1975



diterbitkan oleh

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Warisan

Jurnal Warisan
Suruhanjaya Kebudayaan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Seremban, Selangor.

BILANGAN 2

KDN 7890

DISEMBER 1975

KANDUNGAN

1. Jawatankuasa Kerja
Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Negeri Sembilan halaman 2
2. Rencana Pengarang halaman 3
3. Sistem Politik Negeri Sembilan
Dr. Khoo Kay Kim, Ph.D. halaman 4
4. Perang Bukit Putus 1875 — 1876
William Jalleh, B.A. (Hons.), PJM, PJK. halaman 12
5. Sejarah Sekolah-Sekolah Di Negeri Sembilan halaman 17
6. Masjid Tua Kampung Tengah
Mohd. Ali bin Isa halaman 38

gambar kulit: Bangunan Muzium Negeri, Negeri Sembilan

**JAWATANKUASA KERJA
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

<i>Penaung</i>	YAB Datuk Mansor bin Othman, KMN, PJK. Menteri Besar Negeri Sembilan.
<i>Yang Dipertua</i>	YB Encik Mohd. Saffian bin Haji Abdul Majid, KMN, PPT.
<i>Naib Yang Dipertua</i>	Encik Idris bin Haji Tain. PPT.
<i>Setiausaha Kehormat</i>	Encik Ismail bin Haji Adnan.
<i>Penolong Setiausaha Kehormat</i>	Encik Musa bin Wahab. PJK.
<i>Bendahari Kehormat</i>	Encik Tan Ghee Peng.
<i>Ahli-Ahli Jawatankuasa</i>	Encik B. H. Tan, JMN, JP, PJK, O.S.I. Encik Wan Jaafar bin Abdullah, PPT. Encik William Jalleh, PJM, PJK. Encik Mohd. Said bin Haji Mohd. Radzi. Encik Mohd. Zain bin Haji Rais. Encik Ahmad bin Janor. Encik Mohammad bin Maarof. Tuan Syed Jaafar bin Syed Abdul Rahman. Encik R. Visvanathan. Cik Noraini binti Ali. Cik Vicki Muthu. PJK.
<i>Pengarang Kehormat</i>	Datuk Sutan Bendahara Mohd. Shariff bin Fakeh Hassan, PJK, PPN. Cik Sharifah Nor binti Puteh.

JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN

<i>Pengerusi</i>	Encik Mohd. Said bin Haji Mohd. Radzi.
<i>Setiausaha</i>	Encik Ismail bin Haji Adnan
<i>Pengurus</i>	Encik Tan Ghee Peng.
<i>Ahli-Ahli</i>	Encik William Jalleh, PJM, PJK. Datuk Sutan Bendahara Mohd. Shariff bin Fakeh Hassan, PJK, PPN. Encik Musa bin Wahab. PJK. Cik Sharifah Nor binti Puteh.

RENCANA PENGARANG

Keperluan sebuah Muzium Negeri Sembilan yang benar-benar berfungsi jelas diperlihatkan melalui pendapat-pendapat umum yang tersiar di akhbar-akhbar tempatan. Saudara Isbiha dalam tulisannya MUZIUM NEGERI PERLU DIBERI WAJAH BARU (Berita Harian, 20hb. November, 1975) telah mengemukakan beberapa pendapat orang-orang tempatan yang menyatakan bahawa Muzium Negeri yang ada sekarang tidak dapat memenuhi tugas dan fungsinya dengan wajar, bukan sahaja dari segi bangunannya yang kecil dan telah uzur, tetapi juga dari segi kedudukannya dan bahan-bahan yang dipamirkannya.

Ekoran dari itu, Saudara S.M. Hata telah menulis FUNGSI DAN SUSUNAN BAGI SEBUAH MUZIUM (Berita Harian, 13hb. Disember, 1975) yang antara lain telah menyebut, "Ramai tokoh-tokoh terkenal, baik kebudayaan, kesenian, sejarah dan juga para peminat menyuarakan hasratnya supaya muzium itu (Muzium Negeri Sembilan) diberi perhatian yang sewajarnya."

Sebenarnya hasrat mereka itu bukanlah tidak mendapat perhatian dari Kerajaan Negeri Sembilan. Ini terbukti dengan adanya mesyuarat-mesyuarat Lembaga Muzium Negeri yang melibatkan penyertaan beberapa jabatan kerajaan, khusus untuk membicarakan soal-soal berhubung dengan penyusunan pentadbiran dan penyelenggaraan Muzium Negeri ini.

Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan sendiri telah mengemukakan satu kertaskerja awal berhubung dengan penyusunan bahan-bahan Muzium tersebut untuk dibincangkan. Adalah diharapkan kertaskerja itu dapat menjadi titiktolak kepada pelaksanaan penyusunan semula Muzium Negeri, dan dalam hubungan ini diharapkan kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil inisiatif utama.

Sesungguhnya negeri ini mempunyai banyak bahan-bahan yang menarik dan penting untuk dipamirkan di dalam Muzium Negeri, tetapi untuk mengusahakan pengumpulan dan penyusunan yang benar-benar sempurna pastilah memerlukan banyak usaha, tenaga, kewangan, malah pengurbanan.

Cawangan ini percaya projek serupa ini dapat dijayakan sekiranya Kerajaan Negeri dapat mengambil dayautama, di samping melibatkan penyertaan secara aktif jabatan-jabatan kerajaan, orang-orang perseorangan, kalangan swasta, dan badan-badan sukarela yang terdapat di negeri ini.

Sekiranya projek ini dapat dijayakan, ianya akan dapat membanggakan Negeri Sembilan, bukan sahaja kerana mempunyai sebuah Muzium Negeri yang lengkap dan tersusun dengan rapi, tetapi juga dapat menarik lebih ramai lagi pelancung-pelancung yang sebahagiannya dapat mengukuhkan perkembangan ekonomi dan pembangunan negeri ini.

SEJARAH SEKOLAH-SEKOLAH DI NEGERI SEMBILAN *

Sejarah Perkembangan Sekolah Rendah Melayu (Kebangsaan)

Di Negeri Sembilan sistem sekolah Melayu lebih awal diperkenalkan dari sistem sekolah lain-lainnya seperti Inggeris, Cina atau Tamil. Tapi rekod-rekod awal sukar didapatkan guna membuktikan kebenaran kenyataan di atas. Namun demikian dari rekod-rekod yang ada sejarah perkembangan pelajaran Rendah Melayu dapat dikesan dari tahun 1870. Pada tahun tersebut sebuah sekolah telah dimulakan di Linggi dan inilah sekolah Melayu yang pertama di Negeri Sembilan. Semenjak itu perkembangan pelajaran Rendah Melayu sangat pesat. (Lihat Jadual (a) untuk pecahan ikut daerah).

Jadual (a)

Daerah	1870-1941		1941-1945	1945-1957	1957-1972		Jumlah (i) + (iii) + (iv)
	1870-1900	1901-1941			1957-1967	1967-1972	
Seremban	6	11		10	3		31
P. Dickson	2	7		1	3		13
Tampin	1	6		5	3	1	16
K. Pilah	5	27		6	4		42
Rembau	—	16		5	1		22
Jelebu	4	5		4	2		15
Jumlah ikut tahun	18	72		31	16	1	139

Jumlah Sekolah Rendah Kebangsaan ikut Daerah dan Tahun

90% dari sekolah-sekolah ini didirikan atas daya usaha pemimpin-pemimpin tradisi Melayu. Misalnya:—

- Sek. Keb. Segga oleh Datuk Paduka Miri
- Sek. Keb. Lenggeng oleh Datuk Dagang (Nama tiada diketahui)
- Sek. Keb. Kampai oleh Datuk Raja Balang Sahu
- Sek. Keb. Johol oleh Datuk Baginda Tan Mas Wan Omar
- Sek. Keb. Jempol oleh inisiatif Almarhum Tuanku Muhammad Shah
- Sek. Keb. Ulu Klawang oleh keturunan Yam Tuan Muda Jelebu

Sekolah-Sekolah didirikan secara gotong royong oleh penduduk-penduduk tempatan tanpa sebarang bantuan dari kerajaan. Bangunan-bangunan asalnya sangat tidak memuaskan. Kebanyakannya sebuah bangunan yang kecil tiada berlantai simin.

* Rencana ini ada'ah merupakan intisari buku *Sejarah Sekolah-Sekolah Di Negeri Sembilan* oleh Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan yang sekarang sedang dalam proses penerbitan. Buku ini diterbitkan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Kebanyakan sekolah-sekolah itu mempunyai 2 orang guru sahaja. Ini disebabkan bilangan murid-murid itu sangat kecil; jarang-jarang melebihi 40 orang.

Selepas tahun 1900 terdapat perkembangan yang amat pesat bagi sekolah Kebangsaan. Antara 1901-1941 terdapat sebanyak 73 buah sekolah diasaskan. Jumlah ini lebih 50% dari jumlah sekolah-sekolah Kebangsaan yang ada sekarang.

Keadaan sekolah keseluruhannya masih belum memuaskan. Sehingga tahun 1941 hanya sebanyak 13 buah sekolah mendapat bangunan tambahan. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

<i>Daerah</i>	<i>Jumlah Bangunan Tambahan</i>
Seremban	3
Port Dickson	—
Tampin	1
Kuala Pilah	4
Rembau	3
Jelevu	2

Sekolah-sekolah kebanyakannya merupakan pondok, kekurangan dalam serba serbi. Lebih 50% dari sekolah-sekolah mempunyai jumlah murid kurang dari 50 orang. Lebih 50% dari sekolah-sekolah diasaskan oleh orang-orang kampung sendiri secara gotong royong, manakala yang lain didirikan oleh Kerajaan. Setakat tahun ini 1941 jumlah sekolah ikut daerah adalah seperti berikut:-

<i>Daerah</i>	<i>Jumlah Sekolah</i>
Seremban	17
Port Dickson	9
Tampin	7
Kuala Pilah	32
Rembau	16
Jelevu	7
Jumlah:	<u>88</u>

Dari angka-angka di atas jelaslah bahawa:-

- daerah Kuala Pilah mempunyai jumlah sekolah yang terbanyak sekali iaitu 32. Ini hampir 40% dari jumlah kesemuanya.
- daerah Seremban dan Rembau hampir sama banyak sekolahnya.
- daerah Tampin, Jelevu dan Port Dickson mempunyai bilangan yang hampir sama.

Sekolah-sekolah kesemuanya, kecuali Sekolah Rendah Kebangsaan Datuk Shah Bandar Rasah (didirikan pada 1906), di mana mengambil sempena nama-nama kampung atau tempat ia didirikan. Sekolah-sekolah banyak didirikan atas inisiatif dan bantuan pemimpin-pemimpin Melayu tradisi, tapi nama-nama mereka tidak digunakan.

Dari segi pentadbiran pula umumnya mengikut garis-garis kasar ini: sekolah itu ditadbir oleh seorang Guru Besar, ia sering dibantu oleh satu jawatankuasa yang terdiri dari orang-orang kenamaan di kampung itu seperti Datuk Penghulu, orang-orang adat dan sebagainya. Dengan kerjasama jawatankuasa ini sekolah itu cuba dimajukan. Jawatankuasa tersebut merupakan satu 'force' memperjuangkan kemajuan sekolah. Jawatankuasa itulah yang mendesak Pejabat Pelajaran untuk membawa kemajuan di sekolah-sekolah itu. Keadaan ini berlanjutan hingga Perang Dunia Ke 2 meletus dan Malaysia Barat (dulunya Malaya) diduduki Jepun.

Dalam masa pemerintahan Jepun sekolah-sekolah Melayu seperti jua sekolah-sekolah aliran lain dipaksa tutup. Mana-mana sekolah yang dibuka dijadikan "Sekolah Jepun"; yang lainnya untuk kegunaan-kegunaan lain. Di bawah ialah satu Jadual menunjukkan sekolah-sekolah Melayu yang telah dijadikan sekolah Jepun mengikut daerah:-

<i>Daerah</i>	<i>Jumlah Sekolah Jepun</i>
Seremban	11
Port Dickson	3
Tampin	6
Kuala Pilah	18
Rembau	5
Jelebu	5
Jumlah:	<u>48</u>

selain dari untuk kegunaan Sekolah Jepun, sekolah-sekolah Melayu jua digunakan untuk menempatkan askar-askar Jepun.

<i>Daerah</i>	<i>Sekolah Melayu Untuk Menempatkan askar Jepun</i>
Seremban	1
Port Dickson	—
Tampin	2
Kuala Pilah	2
Rembau	3
Jelebu	—
Jumlah:	<u>8</u>

Selepas Jepun menyerah diri semua sekolah-sekolah Melayu dibuka semula. Di samping sekolah-sekolah yang telah diasaskan sebelum 1941, banyak lagi sekolah-sekolah baru diasaskan. Dari tahun 1945 — 1957 sebanyak 33 buah lagi sekolah telah didirikan. Paling banyak di daerah Seremban iaitu 9 buah semuanya. Daerah Kuala Pilah hanya 7 buah dan daerah-daerah lain 5 buah, kecuali Port Dickson 2 buah sahaja. Sebanyak 21 buah sekolah didirikan dalam masa 5 tahun (1948—1952).

Sekolah-sekolah ini diasaskan oleh kerajaan atas desakan orang-orang kampung sendiri. Semua namanya mengambil sempena nama-nama tempat/kampung di mana ia didirikan. Sebanyak 19 buah sekolah mendapat bangunan baru dan sebanyak 15 buah lagi mendapat bangunan tambahan. Semua sekolah-sekolah ini tidak mempunyai perpustakaan sekolah. Hanya 60% sahaja yang ada kemudahan perpustakaan darjah, tapi keadaannya sangat menyedihkan. Buku-buku bacaan sangat kurang.

Sekolah-sekolah masih mengikut corak pentadbiran lama dan kebanyakan guru-gurunya terdiri dari guru-guru petalih normal dan guru-guru lepasan S.I.T.C. Semenjak diadakan "Malayan Secondary School Entrance Examination", murid-murid yang lulus masuk ke Tingkatan/Form I dan Darjah Peralihan.

Selepas Merdeka sebanyak 15 buah sekolah baru diasaskan (Lihat Jadual a). 14 darinya didirikan sebelum 1967 dan hanya 1 sahaja didirikan selepas 1967. Sekolah-Sekolah ini semuanya diasaskan oleh kerajaan. Sekolah-sekolah yang baru dibina ini mengandungi beberapa keistimewaan. 6 darinya didirikan di Rancangan Tanah Kerajaan. 3 darinya didirikan di kawasan ladang-ladang getah (estate). Umumnya pertambahan bilangan sekolah-sekolah yang baru diasaskan tidak banyak. Hanya lebih kurang 10% dari jumlah semuanya.

Perkembangan yang sangat menarik perhatian ialah:-

- (a) Jumlah sekolah yang mendapat bangunan baru dan tambahan sangat banyak sekali.

<i>Daerah</i>	<i>Jumlah Sekolah Mendapat Bangunan Baru</i>	<i>Jumlah Sekolah Mendapat Bangunan Tambahan</i>
Seremban	16	17
Port Dickson	3	5
Tampin	5	6
Kuala Pilah	19	18
Rembau	11	12
Jelevu	6	5

- (b) Kadar pertambahan guru-guru yang terlatih dan berpengalaman kian banyak dihantar ke sekolah-sekolah Kebangsaan.
- (c) Jenis matapelajaran yang diajar kian bertambah — matapelajaran yang baru itu terutamanya: Bahasa Inggeris dan Sains.
- (d) Kemudahan-kemudahan perpustakaan kian baik, sehingga tahun 1972 sebanyak 41 buah sekolah mempunyai perpustakaan sekolah, manakala yang lain mempunyai perpustakaan darjah.
- (e) Sehingga ini terdapat 9 buah sekolah Kebangsaan yang bercantum.

Bilangan murid-murid di sekolah Melayu (Kebangsaan) pada tahun 1970 ialah 19,942 (Lelaki 14,908; Perempuan 15,034).

Sejarah Perkembangan Sekolah Menengah Melayu

Sekolah Menengah Melayu tidak pernah wujud di Negeri Sembilan sebelum tahun 1957. Sebelum tahun itu ada dua terdapat sekolah-sekolah Melayu hingga tahun 1957. Sebelum tahun itu terdapat sekolah-sekolah Melayu hingga Darjah 7. Tapi sekolah ini belum dapat dianggap sebagai sekolah Menengah. Jadi dapat dikatakan bahawa Sekolah Menengah Melayu sebagai satu sistem merupakan satu yang baru dan berusia muda, hanya lebihkurang 17 tahun saja.

Antara tahun-tahun 1957 hingga 1964 hanya terdapat 10 buah sahaja Sekolah Menengah Melayu. iaitu secara hetong panjang sebuah sekolah baru tiap-tiap satu tahun. Pecahan bagi tiap-tiap daerah adalah seperti berikut:—

Seremban	=	2
Kuala Pilah	=	3
Port Dickson	=	1
Rembau	=	2
Jelebu	=	0
Tampin	=	2

Pada 1957 dua buah Sekolah Menengah Melayu 'pioneer' dimulakan, satu di Rembau meminjam bangunan Sekolah Menengah Datuk Undang Rembau dan satu di Seremban meminjam bangunan Sekolah Menengah King George V. Sehingga tahun 1964 hanya sebuah sahaja dari 10 buah sekolah yang didirikan dalam selama 7 tahun itu mendapat bangunan baru. Sekolah itu ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Chembong (Sekarang: Sekolah Menengah Datuk Sedia Raja).

Murid-murid dari Sekolah Menengah Kebangsaan buat kali pertamanya menduduki peperiksaan SRP pada tahun 1959 dan 2 tahun kemudiannya mengambil peperiksaan SPM. Guru-guru yang mengajar mereka lebih 80% darinya mendapat didikan sekolah Inggeris.

Pada tahun 1962 Sekolah Pelajaran Lanjutan aliran Melayu dimulakan. 10 buah Sekolah Pelajaran Lanjutan dibuka, dan satu darinya mendapat bangunan sendiri — sekarang menjadi Sekolah Menengah Za'ba. Sekolah jenis ini dihapuskan pada tahun 1965.

Sistem Pelajaran Anika Jurusan dilancarkan pada tahun 1965. Dengan itu beberapa buah Sekolah Menengah Melayu telah dimulakan. Tahun 1965 merupakan 'boom year' kerana pada tahun itu sejumlah 12 buah Sekolah Menengah Melayu yang baru didirikan. Jumlah ini merupakan hampir-hampir 50% dari jumlah Sekolah Menengah Melayu yang telah ditubuhkan sehingga ini. Kesemua sekolah yang baru didirikan itu bercampur dengan Sekolah Menengah Inggeris, kecuali sebuah. Di bawah ialah jumlah Sekolah Menengah Melayu yang didirikan pada tahun 1965 berdasarkan daerah.

<i>Daerah</i>	<i>Jumlah Sekolah</i>
Seremban	4
Kuala Pilah	3
Jelebu	2
Port Dickson	1
Tampin	1
Rembau	1
Jumlah:	<hr/> 12 <hr/>

Di antara seko'ah-sekolah yang didirikan pada tahun itu terdapat sebuah Sekolah Vokesyenal (Perempuan) di Rembau, iaitu merupakan Sekolah Vokesyenal (Perempuan) yang pertama di Negeri Sembilan. Selepas tahun 1965 terdapat hanya 5 buah saja lagi Sekolah Menengah Melayu yang didirikan.

Selepas 17 tahun kedudukan Sekolah Menengah Melayu adalah seperti berikut:—

I. Jumlah sekolah bagi tiap-tiap daerah

<i>Daerah</i>	<i>Jumlah Sekolah</i>
Seremban	8
Port Dickson	3
Tampin	4
Kuala Pilah	6
Rembau	4
Jelebu	2
Jumlah:	<u>27*</u>

Mengikut daerah Sekolah Menengah Melayu paling banyak terdapat di daerah Seremban iaitu hampir 30% dari jumlahnya; dan paling kurang di daerah Jelebu.

II. Jumlah sekolah berdasarkan kedudukan samada di bandar ataupun di luarbandar adalah sebagai berikut:

Bandar	=	6
Luarbandar	=	<u>21</u>
Jumlah:		<u>27</u>

III. Sekolah-sekolah Menengah Melayu yang ada bangunan sendiri berjumlah 7 buah dan yang lainnya bercampur dengan Sekolah Menengah Inggeris di bawah satu pentadbiran.

IV. Setakat ini jumlah sekolah yang ada:—

(a) Tingkatan 6 Sains	=	0
(b) Tingkatan 6 Arts	=	1
(c) Tingkatan Aliran Sains (Menengah Atas)	=	3
(d) Perpustakaan pusat	=	24

Semenjak tahun 1969 diperkenalkan Sains Paduan secara berperingkat (lihat Jadual (a))

* Tidak termasuk Sekolah Menengah Sains 1973.

Jadual (a)

Tahun	Seremban	Kuala Pilah	Port Dickson	Tampin	Rembau	Jelebu	Jumlah Ikut Tahun
1969	1	—	—	—	—	—	1
1970	—	2	—	1	—	—	3
1971	3	2	1	1	3	1	11
1972	2	1	1	—	—	1	5
Jumlah Ikut Daerah	6	5	2	2	3	2	20

Sehingga tahun 1972 ada 20 buah sekolah yang telah mengajar Sains Panduan. 3 dari sekolah-sekolah itu telah memperkenalkan pula Sains Nuffield pada Tingkatan 4 ke atas.

V. Berhubung dengan Ilmu Hisab Moden pula pada tahun 1972 ada 4 buah sekolah yang telah mengajarnya.

Sejarah Perkembangan Sekolah Menengah Inggeris

Ada beberapa masaalah dalam membincangkan sejarah perkembangan Sekolah-sekolah Menengah Inggeris, iaitu:—


- i. apa dimaksudkan dengan “Menengah Inggeris” sebagai satu konsep dan satu sistem.
- ii. di mana harus dibuat satu titiktolak bagi sejarah sekolah Menengah Inggeris.

Kerana itu rangkaikata “Menengah Inggeris” memerlukan penjelasan, iaitu:—

- (a) Sebagai satu sistem ia satu yang agak baru, dalam ertikata ia digunakan secara formal dan sebagai polisi hasil dari satu ‘innovative change’ dalam proses perkembangan dan perubahan sistem pelajaran negara ini. Sebagai satu sistem dan polisi ia hanya digunakan selepas tahun 1955. Semenjak itu kanak-kanak di Sekolah Rendah Inggeris dikehendaki menduduki Malayan Secondary School Entrance Examination (MSSEE). Yang lulus dibenarkan ke Sekolah Menengah. Sebelum itu — dalam sistem lama digunakan “Primary 1, 2 dan Standard 1 hingga 9. Keadaan ini menimbulkan masaalah: dari mana harus dibuat satu ‘permulaan’ bagi Sekolah Menengah Inggeris. Ini membawa kepada kualifikasi yang kedua.
- (b) Sebagai satu konsep dalam konteks lapuran ini ia bermaksud sekolah-sekolah yang mempunyai ‘Junior Cambridge’ ke atas. Dengan itu sejarah Sekolah Menengah Inggeris akan dimulakan semenjak tahun sekolah-sekolah itu mula menyediakan penuntut-penuntutnya untuk ‘Junior Cambridge’.



Bangunan lama di mana Sekolah Menengah Ingeris Port Dickson ditempatkan pada tahun 1919. Bangunan ini sekarang digunakan oleh Sekolah Rendah Port Dickson.



Bangunan baru Sekolah Menengah Ingeris Port Dickson, yang terletak di Batu Satu, Jalan Pantai, Port Dickson.

Jumlah sekolah-sekolah Menengah Inggeris sebelum 1941 ialah 5 buah. Kesemuanya terdapat di kawasan bandar.

<i>Nama bandar</i>	<i>Jumlah sekolah</i>
Seremban	4
Kuala Pilah	1

Jumlah sekolah-sekolah Menengah Inggeris yang diasaskan oleh:-

Mubaligh Kristian	3
Orang-orang perseorangan	1
Kerajaan	1

Sekolah yang tertua sekali di Negeri Sembilan ialah Sekolah Menengah St. Paul didirikan di bandar Seremban pada tahun 1907. Mubaligh-mubaligh Kristian merupakan 'force' yang kuat bertanggungjawab bagi pembenaan sekolah-sekolah Inggeris yang awal di negeri ini. Sekolah Menengah St. Paul didirikan oleh "Paris Foreign Missions". Sekolah Menengah Inggeris khas untuk murid-murid perempuan telah diadakan pada tahun 1941. Sekolah ini juga diasaskan oleh mubaligh Kristian dan dinamakan: "Convent The Holy Infant Jesus". Sekolah Menengah bercampur yang pertama juga didirikan oleh mubaligh Kristian Mazhab Methodist. Sekolah ini dinamakan Sekolah Anglo-Chinese, Seremban. Dari Seremban, Sekolah Menengah Inggeris meluas ke Kuala Pilah di mana sekolah Menengah yang pertama dinamakan Sekolah Tuanku Mohammad.

Sekolah-sekolah mission itu adalah ditadbir oleh "Christian Brothers" (atau Geraja). Ketua pentadbiran sekolah-sekolah mission ini dipanggil "Director" untuk Sekolah St. Paul dan dua sekolah mission yang lainnya memakai "Pengetua". Sekolah-sekolah yang lainnya seperti Sekolah King George V dan Sekolah Tuanku Muhammad ditadbirkan oleh kerajaan.

90% daripada guru-guru yang mengajar di Sekolah Mission itu adalah terdiri dari "Christian Brothers". Mereka itu mendapat latihan dari "Missionary Teacher's Training Colleges". Di sekolah-sekolah kerajaan pula 50% dari gurugurunya terdiri dari orang Inggeris.

Sekolah-sekolah ini mulanya tiada mempunyai bangunan tetap. Bangunan tetap hanya dibena apabila jumlah murid-murid telah begitu ramai untuk ditampung oleh bangunan-bangunan pinjaman itu. Berikut ditunjukkan tahun tiap-tiap sekolah itu mendapat bangunan tetap dan bangunan tambahannya.

Jadual (a)

<i>Nama Sekolah</i>	<i>Tahun Bangunan Tetap Didirikan</i>	<i>Tahun Bangunan Tambahan Didirikan</i>
St. Paul Institution, Seremban	1907	1912
Sek. Men. Convent, Seremban	1909	—
Sek. Men. Anglo-Chinese, Seremban	1916	(a) 1925 (b) 1927
Sek. Men. King George V, Seremban	1928	—
Sek. Men. Tuanku Muhammad, K. Pilah	1930	1941

Kadar pertambahan bilangan murid-murid sangat perlahan. Murid-murid Melayu kebanyakannya terdapat di Sekolah King George V di mana sistem "Special Malay Classes" telah diadakan bagi murid-murid Melayu yang telah lulus Darjah IV/V Sekolah Melayu. Murid-murid Melayu juga banyak terdapat di Sekolah Tuanku Muhammad. Murid-murid bukan Melayu kebanyakannya bertempat di Sekolah St. Paul, Convent dan Anglo-China.

Perkembangan pelajaran Menengah Inggeris terganggu dalam masa pemerintahan Jepun. Ini disebabkan penutupan sekolah-sekolah itu untuk kegunaan tertentu oleh Jepun. Lagipun pada masa itu Jepun melancarkan peroses menjepunkan dan dengan itu sekolah-sekolah Inggeris terpaksa ditutup. Sekolah King George V ditutup pada tahun 1941 untuk menempatkan askar-askar dari "Australian Imperial Forces". Pada tahun berikutnya sekolah ini dijadikan sebagai Ibu Pejabat Polis Tentera Jepun. Sekolah Anglo-Chinese juga didiami oleh askar Jepun. Buku-buku perpustakaan dan rekod-rekod sekolah telah dibakar. Polis Tentera Jepun telah ditempatkan juga di Sekolah Tuanku Muhammad.

Selepas Perang Dunia Ke 2 kadar pertambahan murid-murid mengkagumkan, meningkat lebih 3 kali ganda. Keadaan ini memaksa pembukaan sekolah-sekolah baru di daerah-daerah lainnya untuk menampung pertambahan murid-murid. Lihat Jadual (b).

Jadual (b)

DAERAH	Sebelum 1941	1942-1945	1945-1957	1957-1972	Jumlah Sekolah
Seremban	4	—	1	11	16
P. Dickson	—	—	1	3	4
Tampin	—	—	2	2	4
K. Pilah	1	—	1	8	10
Rembau	—	—	3	—	3
Jelebu	—	—	1	1	2
Jumlah Sek. ikut-tahun-tahun	5	—	9	25	39

Jumlah Sekolah Menengah Inggeris itu Daerah dan Tahun-tahun

Jumlah sekolah yang ditubuhkan ialah 9, dan 3 darinya di daerah Rembau. Di antaranya termasuk sebuah Sekolah Vokesyenal Pertanian, Chembong. Tiga buah Sekolah Menengah Cina bertukar aliran menjadi aliran Inggeris Sekolah-sekolah ialah:—

- (a) Sekolah Menengah Chan Wa, Seremban
- (b) Sekolah Menengah Chi Wen, Bahau
- (c) Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Pilah

Sebuah sekolah mendapat bangunan baru dan 6 yang lainnya mendapat bangunan tambahan. Kebanyakan sekolah-sekolah ini adalah Sekolah Menengah Rendah, dan merupakan 'feeder school' kepada sekolah-sekolah Menengah yang lainnya. Sekolah-sekolah Menengah Rendah itu:—

- (a) S.M.R. (I) Astana Raja, Rembau.
- (b) .. Datuk Klana Putra, Lenggeng.
- (c) .. Chi Wen, Bahau.

Sekolah-sekolah seperti Sekolah Rendah Ingeris Port Dickson dan Sekolah Rendah Tunku Besar yang menjadi "feeder school" sebelum Perang Dunia Ke 2, pada tahun 1947 menjadi Sekolah Menengah Rendah. Sehingga 1957 sudah ada sebanyak 5 buah sekolah yang ada kelas-kelas 'School Certificate'.

Selepas Merdeka hingga ke tahun 1960 tiada satupun Sekolah Menengah didirikan. Ini mungkin sebab pengenalan sistem peperiksaan Darjah 6 (MSSEE).

Murid-murid yang lulus peperiksaan itu saja masuk ke sekolah Menengah, manakala sabahagian besar yang tidak lulus terpaksa diberhentikan sekolah. Tapi akibat kadar murid-murid yang tidak lulus kian meninggi tahun demi tahun maka satu sistem persekolahan baru diwujudkan. Sistem ini terkenal dengan nama: Sistem Pelajaran Lanjutan (Post-Primary System). Murid-murid yang gagal dalam MSSEE boleh melanjutkan pelajarannya selama dua tahun di sekolah jenis ini.

Sistem pelajaran tersebut diperkenalkan dalam tahun 1962. Dengan itu beberapa Pusat Sekolah Pelajaran Lanjutan didirikan dan jumlah sekolah ini bertambah seperti ditunjukkan di bawah:

Tahun	Jumlah Sekolah Lanjutan
1962	6
1963	13
1964	10

Pada tahun 1965 satu sistem pelajaran baru dilaksanakan yang lebih terkenal dengan 'Sistem Anika Jurusan'. Mengikut sistem ini semua murid-murid layak masuk ke Form I/Remove tanpa sebarang syarat akademik. Dengan itu bilangan murid-murid yang memasuki kelas-kelas Menengah melambung tinggi. Tahun 1965 banyak sekolah baru didirikan. Sejumlah 10 buah sekolah baru ditubuhkan dan pecahan ikut daerah adalah seperti berikut:—

Jadual (c)

Daerah	Jumlah sekolah baru d.buke
Seremban	4
Port Dickson	1
Tampin	—
Kuala Pilah	4
Rembau	—
Jelebu	1
Jumlah	10

Jumlah sekolah baru yang didirikan awal 1965 mengikut Daerah

Jumlah itu merupakan hampir separuh dari sekolah-sekolah yang baru di-
asaskan selepas tahun 1957 (selepas merdeka).

Beberapa ciri yang jelas akibat pengenalan sistem anika jurusan ialah:—

- (a) Kadar pertambahan murid- murid yang melambong tinggi. Hetong panjang sekolah-sekolah menengah mengalami 30% pertambahan murid-murid.
- (b) Terdapat kekurangan bangunan. Kerana itu sekolah-sekolah itu terpaksa menumpang bangunan sekolah-sekolah lain. 8 buah sekolah terlibat dalam keadaan begini.
- (c) Sekolah Menengah kian merebak dan bertambah bilangannya di luar bandar. Kesemua sekolah-sekolah anika jurusan itu didirikan di luar bandar.

Selepas tahun 1965 hanya terdapat 4*buah saja sekolah menengah yang baru didirikan; 3 di Seremban dan sebuah lagi di Tampin dan Port Dickson. Dari tahun 1970 — 1972 sebanyak 3 buah sekolah di bawah pengelo'uan terus Kementerian Pelajaran didirikan. Sekolah-sekolah itu:—

- (a) Kolej Tunku Kurshiah, Seremban 1970
- (b) Sekolah Datuk Abdul Razak, Seremban 1971
- (c) Sekolah Menengah Vokesyenal, Seremban 1972

Mengikut kategori Sekolah Menengah Inggeris boleh dibahagikan kepada:-

- (a) Menengah Rendah.
- (b) Menengah Atas tanpa Tingkatan 6.
- (c) Menengah Atas dan Tingkatan 6.

Jadual (d)

Kategori	Jumlah Sekolah	Luarbandar	Dalam Bandar
Menengah Rendah	4	4	—
Menengah Atas tanpa Tingkatan 6	30	18	12
Menengah Atas dan Tingkatan 6	5	—	5

Jumlah sekolah berdasarkan tempat dan kategori

Jadual (d) menunjukkan:-

- (a) Sekolah Menengah Rendah hanya terdapat di kawasan-kawasan luarbandar.
- (b) Sekolah Menengah Atas dengan Tingkatan 6 hanya terdapat di bandar-bandar.
- (c) Sekolah Menengah Atas tanpa Tingkatan 6 40% di bandar dan 60% di luar bandar.

* Tidak termasuk sekolah-sekolah berasrama penuh/Sekolah Vokesyenal.

Kemudahan-kemudahan yang ada di Sekolah Menengah Inggeris boleh dikatakan agak memuaskan. Misalnya: 35 buah sekolah mempunyai perpustakaan sekolah (school library) di samping perpustakaan darjah.

Pada tahun 1969 dan tahun 1970 terdapat satu 'innovative change' dalam matapelajaran yang diajar di sekolah-sekolah menengah biasa. Dua matapelajaran baru diperkenalkan — Sains Paduan dan Ilmu Hisab Moden. Keduanya diperkenalkan secara berperingkat. Jadual (e) menunjukkan peringkat-peringkat perkembangan Sains Paduan dari 1969 — 1972.

Jadual (e)

TAHUN	Scremban	Kuala Pilah	Port Dickson	Tampin	Rembau	Jekebu	Jumlah ikut tahun
1969	1	—	—	—	—	—	1
1970	2	3	1	1	—	—	7
1971	6	5	—	2	2	1	16
1972	5	1	2	—	—	1	9
Jumlah ikut Daerah	14	9	3	3	2	2	33

Jumlah sekolah Menengah Inggeris yang terlibat dalam Rancangan Sains Paduan mengikut Daerah dan Tahun

Sehingga tahun 1972 lebih 80% sekolah telah terlibat dalam rancangan Sains Paduan. Dari jumlah itu sebuah sekolah pula telah menyediakan ca-un-ca'un untuk 'Nuffield Science' diperingkat Form 5. Setakat ini sejumlah 8 buah sekolah telah mengajar Ilmu Hisab Moden hingga ke Form 3.

Sejarah Perkembangan Sekolah Rendah Cina

Sejarah perkembangan pelajaran Cina di Negeri Sembilan berhubung rapat dengan sejarah kemasukan orang-orang Cina. Kawasan-kawasan yang mula-mula diduduki oleh penduduk Cina ialah Seremban (dulunya Sungai Ujung). Beberapa buah sekolah kecil wujud tetapi sekolah-sekolah ini akhirnya ditutup kerana bilangan penuntutnya 'merosot' Seko'ah-seko'ah awal itu yang masih kekal adalah Sekolah Rendah Cina, Ladang Ulu Kanchong iaitu dimulakan pada tahun 1870. Ini merupakan Sekolah Rendah Cina yang paling tua di Negeri Sembilan. Sekolah ini satu masa letaknya dekat dengan kawasan perlombongan bijih yang besar di Sungai Linggi.

Selepas sekolah yang pertama diasaskan terdapat satu jurang masa yang agak lama hingga diasaskan pula sebuah sekolah lagi iaitu Sekolah Rendah Cina Chun Yin, Titi di Jekebu. Tabaran sekolah-sekolah Rendah Cina mengikut daerah adalah seperti berikut:—

<i>Daerah</i>	<i>Jumlah Sekolah</i>
Seremban	14
Port Dickson	8
Tampin	3
Kuala Pilah	10
Rembau	1
Jelevu	1
Jumlah	40

Jadual (a)

DAERAH	Sebelum 1941	1942-1945	1945-1957	1957-1972	Jumlah ikut Daerah
Seremban	14		13		27
Port Dickson	8		10		18
Tampin	3		6		9
Kuala Pilah	10		8	2	20
Rembau	1		2		3
Jelevu	4		3		7
Jumlah ikut Tahun	40		42	2	84

Jumlah Sekolah Rendah Cina ikut Daerah dan Tahun.

Dari 40 itu sebanyak 19 buah iaitu lebih kurang 50% didirikan pada tahun 1930. Sekolah-sekolah yang didirikan dalam tahun-tahun 1930an mengikut daerah adalah seperti berikut:—

<i>Daerah</i>	<i>Jumlah Sekolah</i>
Seremban	4
Port Dickson	5
Tampin	2
Kuala Pilah	6
Rembau	—
Jelevu	2
Jumlah	19

Paling banyak terdapat di daerah Kuala Pilah iaitu sebanyak 6 buah dan tiada satu pun di Rembau.

Sekolah-Sekolah Rendah Cina ini semuanya diasaskan secara bersendirian, tanpa bantuan kerajaan. Dalam hal ini beberapa syarikat persatuan 'clan' Cina dan towkay-tawkay syarikat Getah seperti Dunlop memberi sumbangan wang. Kerana itu sekolah-sekolah ini ditadbirkan oleh Lembaga Pengurus yang ahli-ahlinya terdiri dari orang-orang kenamaan Cina sendiri. Sekolah-sekolah ini bebas dalam pemilihan dan penentuan sukatan pelajaran yang hendak diajar.

40% dari sekolah-sekolah asal ini meminjam bangunan lain, ada yang ditempatkan di rumah kedai dan ada pula yang ditempatkan di rumah kediaman saudagar tertentu. Sekolah Rendah Cina Pertang bila ditubuhkan juga menggunakan bangunan kedai.

Sekolah-sekolah pada mula diasaskan mempunyai bilangan murid yang sangat kecil. Kebanyakannya kurang dari 40 orang murid.

Mitalnya: Sekolah Chung Hwa, Seremban	=	26 orang
Sekolah Rendah Cina, Pertang	=	25 orang
Sekolah Rendah Cina, Juasseh	=	40 orang

Walaubagaimanapun bilangan ini kian bertambah. Secara keseluruhan terdapat pertambahan sebanyak $2\frac{1}{2}$ kali ganda hingga tahun 1941.

Sebelum 1941 sekolah-sekolah Rendah Cina umumnya dipanggil sebagai "Chinese Public School". Kemajuan fizikal sekolah-sekolah ini tidak hampir begitu memuaskan. Bangunan-bangunan tambahan hampir tiada langsung.

Semasa pemerentahan Jepun, sebanyak 12 buah Sekolah Rendah Cina telah dijadikan sekolah Jepun, manakala 15 lagi digunakan sebagai setor dan tempat tinggal pegawai-pegawai Jepun.

Bilangan jumlah sekolah-sekolah baru bertambah bagitu pesat sekali. Sejumlah 42 buah sekolah baru telah didirikan, iaitu satu kali ganda dari sebelum tahun 1941. Jumlah sekolah mengikut daerah adalah seperti berikut:—

Daerah	Jumlah sekolah (sebelum 1941 + 1945 — 1957)
Seremban	27
Port Dickson	18
Tampin	9
Kuala Pilah	18
Rembau	3
Jelebu	7
Jumlah	<u>82</u>

Setakat tahun 1957 sejumlah 82 buah Sekolah Rendah Cina terdapat di seluruh Negeri Sembilan. Paling banyak di daerah Seremban, dan paling kurang pula di daerah Rembau. Perkembangannya pada peringkat ini lebih bertujuan untuk mendirikan seberapa banyak sekolah untuk kanak-kanak Cina, tanpa menitikberatkan "physical improvement and expansion". Dalam tahun ini lebih banyak

beratkan memperbaiki dan membesarkan sekolah-sekolah yang ada. Dalam tahun ini lebih banyak usaha-usaha mendirikan sekolah-sekolah baru dari usaha-usaha membina bangunan baru atau tambahan angka-angka ini membuktikannya:—

Jumlah sekolah baru didirikan	=	42
Jumlah bangunan baru	=	21
Jumlah bangunan tambahan	=	13

Satu perkara yang menarik perhatian tentang perkembangan sekolah-sekolah Rendah Cina selepas perang hingga 1957 ialah jumlah sekolah baru didirikan paling banyak dalam zaman diharurat di Malaysia Barat. Sejumlah 28 buah sekolah didirikan, 20 darinya didirikan di perkampungan baru Cina.

Hanya dua buah saja Sekolah Rendah Cina didirikan selepas tahun 1957. Kedua-duanya di daerah Kuala Pilah. Selepas tahun 1957 sekolah-sekolah Cina diberi tempoh masuk untuk menjaji "conforming school" sekolah yang terakhir sekali menjadi Sekolah Jenis Kebangsaan ialah pada tahun 1966. Dengan itu hingga sekarang jumlah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ialah 84 semuanya. Paling banyak sekali terdapat di Seremban diikuti oleh Kuala Pilah, Port Dickson, Tampin, Jelevu dan Rembau.

Tahun-tahun selepas Merdeka usaha-usaha membina bangunan baru atau bangunan tambah sangat giat. Ini jelas dari angka-angka di bawah:—

Jumlah bangunan baru yang didirikan	=	22 buah
Jumlah bangunan tambahan yang didirikan	=	34 buah

Kebanyakan kemajuan dari segi "physical" terdapat di daerah Seremban, di mana sebanyak 12 bangunan baru didirikan. Lebih 65% dari perbelanjaan-perbelanjaan itu datangnya dari masyarakat Cina sendiri, terutamanya dari Parti MCA. Parti ini berusaha derma untuk tujuan itu.

Kebanyakan Sekolah-sekolah Rendah Cina mempunyai tempat bermain pingpong, dan boleh dikatakan lebih 90% mempunyai padang bola keranjang, tapi hanya 45% sahaja yang ada padang sekolah yang agak memuaskan. Hanya 13 buah sekolah saja yang agak lengkap dengan perpustakaan pusat (central library). Kebanyakan sekolah tiada mempunyai banyak persatuan-persatuan untuk murid-muridnya.

Sejarah Perkembangan Sekolah Rendah Tamil

Dalam beberapa hal samada dari segi perkembangan kualitatif mahu pun kuantitatif Sekolah-sekolah Rendah Tamil mempunyai ciri-ciri tersendiri yang unik. Keadaan ini adalah hasil dari campuran dan interaksi beberapa faktor sejarah, kedudukan (lokalti) dan sosio-ekonomi.

Asal dan seterusnya perkembangan Sekolah-sekolah Tamil berhubungan rapat sekali dengan sejarah 'economic encroachment' oleh Inggeris ke atas Malaysia Barat (dulunya Malaya). 'Economic encroachment' oleh Inggeris mengakibatkan kemasukan beramai-ramai orang-orang India ke Malaysia Barat pada awal kurun ke 20 untuk bekerja di ladang-ladang getah sebagai buruh-buruh atau/dan penoreh. Setengahnya sebagai kerani dan lain-lainnya di ladang-ladang atau di Jabatan Kerajaan.

Di Negeri Sembilan seperti mana juga di tempat lain di Malaysia Barat mereka itu ditempatkan di lokaliti rural yang mempunyai latarbelakang perusahaan pertanian. Suasana 'rurality' seumpama ini membuatkan mereka berbeza dan terpisah dari masyarakat Melayu yang juga mempunyai lokaliti rural tetapi mempunyai latarbelakang ekonomi sarahidup. Penduduk-penduduk India yang dari segi sejarah, ilmu alam, sosial dan kebudayaan tersisih bergerak sendiri dalam semua aspek hidup dalam suasana yang berbeza dan tersendiri. Ini menggerakkan dan menggalakkan mereka menghidupkan kehidupan sosial dan kebudayaan tersendiri khususnya dalam pelajaran dan pendidikan. Dengan itu wujudlah sekolah-sekolah Tamil dari segi taboran sebahagian besarnya hingga sekarang terdapat di kawasan ladang-ladang iaitu kawasan luarbandar.

<i>Jumlah Sekolah Tamil di bandar</i>	<i>Jumlah Sekolah Tamil di luarbandar</i>	<i>Jumlah Besar</i>
6	57	63

Penubuhan Sekolah-sekolah Rendah Tamil sebelum tahun 1941 disebabkan dan dipercepatkan oleh adanya:—

- (a) desakan pekerja-pekerja ladang sendiri.
- (b) kesedaran dan inisiatif orang-orang perseorangan/perkumpulan/persatuan India.
- (c) inisiatif dan rasa perikemanusiaan beberapa orang Pengurus ladang yang terdiri dari orang-orang Inggeris.
- (d) usaha-usaha mubaligh-mubaligh Kristian.

Sekolah Tamil yang pertama dan tertua sekali di Negeri Sembilan telah dibina di Seremban pada tahun 1912. Sekolah itu diberi nama Sekolah Tamil Vivekananda dan ditubuhkan oleh mereka-mereka dari Persatuan Selon Negeri Sembilan, Cawangan Seremban. Semenjak itu pertumbuhan sekolah-sekolah Tamil kian pesat di daerah-daerah Negeri Sembilan. Tahun-tahun 1930an merupakan 'boom period', di mana sejumlah 19 buah sekolah semua telah didirikan di seluruh Negeri Sembilan. Ini merupakan lebih dari 40% dari jumlah sekolah-sekolah Tamil yang didirikan sebelum 1941. Di bawah ialah pecahan jumlah sekolah-sekolah Tamil mengikut daerah sebelum 1941.

<i>Daerah</i>	<i>Jumlah sekolah</i>
Seremban	11
Port Dickson	10
Tampin	4
Kuala Pilah	6
Rembau	2
Jelebu	—
Jumlah semuanya:	<u>33</u>

Dari angka-angka itu jelas sekali bahawa Sekolah-sekolah Tamil kebanyakannya terdapat di daerah-daerah Seremban dan Port Dickson. Lebih dari 60% (atau 21 buah sekolah) terdapat di daerah-daerah itu. Kedua-dua daerah ini sebenarnya adalah daerah-daerah yang banyak sekali dibuka ladang-ladang getah.

Kebanyakan dari Sekolah-sekolah Tamil didirikan oleh orang-orang per-sendirian, syarikat-syarikat perladangan atau pertubuhan-pertubuhan India sebanyak 19 buah sekolah semuanya didirikan oleh golongan ini berbanding dengan 12 buah saja didirikan oleh kerajaan. Terdapat dua buah Sekolah-sekolah Tamil yang ditubuhkan oleh missinaries. Sekolah-sekolah mission itu satu di Gemas di namakan St. Mark's Tamil School didirikan pada tahun 1941, dan satu lagi di Tampin dinamakan Tampin Tamil School (1937).

Sebelum 1941 Sekolah-sekolah Tamil boleh dikategorikan kepada tiga berdasarkan corak atau siapa mentadbirnya:—

- (a) Sekolah mubaligh
- (b) Sekolah Jawatankuasa (Committee schools)
- (c) Sekolah Kerajaan.

Tidak kira apa kategorinya sekolah-sekolah itu, satu perkara yang jelas ialah: Sekolah-sekolah itu jauh dari sempurna keadaan fizikalnya, bahkan 10% darinya sangat menyedihkan — hanya bangsal-bangsal, tiada lantai simin, tiada ber-dinding dan tiada peralatan-peralatan atau perabut yang baik. Beberapa buah sekolah ditempatkan di setor/tempat simpan lori-lori 'estate'. Kebanyakannya meminjam bangunan lain.

Nilai kuantitatif serta nilai akademiknya menyedihkan. Lebih 25% dari sekolah-sekolah itu mempunyai hanya seorang guru yang terpaksa menjalankan tugas yang beraneka ragam dari mengajar hingga kepada urusan pentadbiran. Lebih 80% dari guru-gurunya tiada mempunyai asas atau latihan perguruan. Se-siapa yang sanggup mengajar boleh menjadi guru. Kerana itu ada guru-guru terdiri dari kerani-kerani bersara, dan lain-lainnya. Pada tahun 1941, ada dimulakan satu rancangan latihan untuk guru-guru tetapi terganggu oleh Perang. Guru-guru yang ada latihan didatangkan dari India dan bilangan mereka sangat kecil.

Hanya ada beberapa buah sekolah sahaja yang ada Darjah 5 iaitu darjah yang tertinggi* sekali pada masa itu. Murid-murid yang tamat samada melanjut-kan pelajaran ke sekolah-sekolah Inggeris yang berdekatan atau berhenti dan bekerja di 'estate' dibagai buruh, penoreh dan lain-lainnya. Matapelajaran yang diajar adalah berupa 3M, iaitu membaca, mengira dan menulis. Tidak ada bahasa-bahasa lain diajar.

Sekolah-sekolah Tamil pada masa itu adalah di bawah pengendalian Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan dan seorang 'Inspector of Schools' ditugaskan mengawas semua Sekolah-sekolah Tamil di Negeri Sembilan.

'Physical improvement' dalam ertikata bangunan — samada pembinaan ban-gunan baru atau bangunan tambahan boleh dikatakan tiada (lihat Jadual (b)).

Dalam masa pendudukan Jepun di Malaysia Barat Sekolah-sekolah Tamil seperti jua sekolah-sekolah aliran lainnya ditutup. Sekolah-sekolah yang dibuka digunakan oleh kerajaan Jepun untuk tujuan-tujuan menjepunkan orang India. Ada 12 buah sekolah seumpama ini dibuka, 5 darinya di daerah Port Dickson. Sekolah-sekolah Tamil yang lain ada dijadikan sebagai rumah-rumah sakit dan ada digunakan untuk tempat kediaman orang-orang India sendiri. Jadi, dalam zaman Jepun perkembangan pelajaran Tamil terbantut.

* Pada tahun 1939 kelas Darjah 7 yang pertama diadakan di Sekolah Tamil, Lorong Java. Tapi kebenarannya diragukan.

Selepas Perang Dunia Ke 2 sekolah-sekolah yang litutup oleh Jepun dibuka semula. Selain membuka semula sekolah-sekolah tersebut, terdapat banyak lagi sekolah-sekolah baru yang dibuka. Jumlah sekolah kian bertambah. Jumlah sekolah yang baru diasaskan bertambah lebih dari 75% (lihat Jadual (a) — secara hetong panjang).

Selepas Perang Dunia Ke 2, tiga keadaan jelas kelihatan:—

- (a) Peratus pertambahan bilangan sekolah-sekolah yang baru diasaskan sangat tinggi melebihi 100% di daerah-daerah Port Dickson, Tampin dan Kuala Pilah, manakala di daerah Seremban terdapat kurang dari 50% (Lihat Jadual (a)).
- (b) Pertambahan bilangan sekolah-sekolah yang diasaskan oleh kerajaan bertambah begitu tinggi sekali, melebihi 1½ kali ganda iaitu lebih kurang 165%; sebaliknya terdapat kemerosotan bilangan sekolah-sekolah yang diasaskan oleh orang perseorangan/pertubuhan atau syarikat perladangan. (Lihat Jadual (c)).
- (c) Terdapat usaha-usaha untuk membawa pembaikan dari segi mutu dan bilangan sekolah melalui pembinaan bangunan-bangunan baru dan bangunan tambahan (Lihat Jadual (b)).

Sehingga tahun 1957 boleh dikatakan semua sekolah-sekolah. Tamil telah diberi 'grants-in-aid' dan ini meletakkan sekolah-sekolah tersebut ke status sekolah-sekolah kerajaan. Sekolah-sekolah Tamil pada masa itu mempunyai seorang 'Inspector of Tamil Schools' dan dua orang Penolong.

Semenjak tahun 1946 dimulakan usaha-usaha untuk memberi latihan kepada guru-guru. Latihan ini diadakan pada penghujung minggu. Latihan ini berpusat di Sekolah Tamil Lorong Java, Seremban.

Jadual (a)

DAERAH	1	2	3	4	Jumlah 1+3+4
	Sebelum 1941	1942-1945	1945-1957	1957-1972	
Seremban	11		5	3	19
P. Dickson	10		9	—	19
Tampin	4		4	—	8
Kuala Pilah	6		7	—	13
Rembau	2		—	1	3
Jelebu	—		—	1	1
Jumlah ikut tahun-tahun	33		25	5	63

Jumlah Sekolah-sekolah Tamil yang diasaskan mengikut Daerah dan Tahun

ada terdapat 3* buah sekolah Tamil yang ada Darjah 7. Murid-murid di sekolah-sekolah ini diberi peluang menduduki peperiksaan Darjah 7. Yang lulus peperiksaannya dibenarkan mengikuti Latihan Guru-guru Tamil. Keadaan ini berlanjutan hingga tahun 1956. Pada tahun tersebut peperiksaan Darjah 7 itu diberi nama 'Tamil-Telegu Teachers Preparatory Examinations'. Pada akhir 1957 peperiksaan ini dihapuskan dan semua murid-murid dikehendaki mengambil 'Ma'ayan Secondary Schools Entrance Examination'. Mereka yang lulus boleh memasuki Sekolah Menengah beraliran Inggeris/Melayu.

* Setengah golongan berpendapat 7 buah semuanya.

Jadual (b)

DAERAH	Jumlah Sekolah yang dapat Bangunan Baru				Jumlah Sekolah yang dapat Bangunan Tambahan			
	Sebelum 1941	1941-1945	1945-1957	1957-1972	Sebelum 1941	1941-1945	1945-1957	1957-1972
Seremban			2	3			3	6
P. Dickson			4	3			1	3
Tampin			1	3			—	—
Kuala Pilah			1	2			3	4
Rembau			1	1			1	—
Jelebu			—	—			—	—
Jumlah ikut tahun-tahun			9	13			8	14

Jumlah Sekolah-sekolah Tamil yang mendapat Bangunan Baru dan Tambahan mengikut Daerah dan Tahun-tahun

Rekod menunjukkan bahawa bahasa Malaysia hanya mula diajar di sekolah-sekolah Tamil pada tahun 1957 itupun kepada Darjah III, IV, V dan VI. Manakala setengah-setengahnya terhad hanya kepada Darjah V dan VI. Nampaknya Bahasa Inggeris lebih awal diperkenalkan di sekolah-sekolah Tamil iaitu pada tahun 1952.

Kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan sekolah terlalu 'scanty' dan tidak memuaskan. Selepas tahun 1955 guru-guru sementara Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris telah mula dihantar ke Sekolah-sekolah Tamil.

Selepas tahun 1957 semua Sekolah-sekolah Tamil menjadi Sekolah Jenis Kebangsaan. Sekolah-sekolah yang baru diasaskan berjumlah 5 sahaja. Sekolah Tamil yang termuda sekali didirikan di Bukit Bertam Estate, Rembau dimulakan pada 1.5.1966. Sehingga sekarang terdapat sebuah Sekolah Tamil di mana murid-muridnya semua perempuan iaitu Sekolah Tamil Convent, Seremban.

Pertambahan sekolah-sekolah baru diasaskan tidak rancak selepas 1957, namun begitu usaha-usaha untuk memperbaiki mutunya begitu pesat dijalankan. Jadual (b) menunjukkan bahawa pertambahan bilangan sekolah yang mendapat bangunan baru dan bangunan tambahan begitu menggalakkan dan memuaskan. Sebanyak 13 buah sekolah mendapat bangunan baru, dan 13 buah lagi mendapat bangunan tambahan.

Jadual (c)

Diasaskan oleh	Sebelum 1941	1941-1945	1945-1957	1957-1972	Jumlah
Mubaligh	2	—	1	—	3
Pertubuhan/ Individu	19	—	4	—	23
Kerajaan/ Bantuan Kerajaan	12	—	20	5	37

Jumlah Sekolah-sekolah Tamil Berdasarkan kepada pengasasnya

Selepas 1957 terdapat satu kemerosotan jumlah Sekolah-sekolah Tamil (Lihat Jadual (d)).

Jadual (d)

Tahun	Jumlah Sekolah	Jumlah Murid	Jumlah Guru Tamil
1950	80	3161	129
1960	71	5545	186
1972	63	7884	319

Jumlah sekolah, murid-murid dan guru-guru pada 1950, 1960, 1972

Dalam masa 12 tahun (1950-1972) sebanyak 17 buah Sekolah Tamil ditutup disebabkan kemerosotan bilangan murid-murid yang berdaftar untuk bersekolah di sekolah-sekolah tersebut. Kerana itu dilakukan percantuman sekolah-sekolah.

Biarpun jumlah sekolah merosot namun begitu jumlah murid-murid secara keseluruhan kian bertambah. Begitu juga halnya dengan jumlah guru-guru. Bilangan guru Bahasa Malaysia yang terlatih meningkat. Sehingga tahun 1972 lebih 12 orang guru-guru dari Sekolah Tamil telah menghadiri Kursus Panduan Pelajaran anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Bancian 1972 menunjukkan bahawa perkhidmatan perpustakaan di Sekolah-sekolah Tamil agak memuaskan. 21 buah sekolah memiliki perpustakaan sekolah (central library) manakala yang lainnya mempunyai perpustakaan darjah. Yang agak tidak menyenangkan ialah bahan-bahan bacaan masih belum mencukupi.